



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000
Faks : 03-88915557
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mel : pro@kpkt.gov.my
Twitter : [kpkt_gov](https://twitter.com/kpkt_gov)
Facebook : Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.42 (114)

Tarikh : 8 Mac 2014

SIARAN MEDIA

BUSKERS CORNER MENAMBAHKAN KECERIAAN PORT DICKSON

PORT DICKSON, 8 MAC 2014 - Pantai tersohor Port Dickson tidak ketinggalan untuk dibangunkan tapak untuk aktiviti *busking* oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Pantai Batu 4 telah dipilih sebagai *Buskers Corner* (BC) untuk dilancarkan oleh YB Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan pada malam ini.

2. Selain daripada Batu 4, kawasan pantai lain yang akan diwujudkan *Buskers Corner* (BC) di Negeri Sembilan ini ialah di Pantai Bagan Pinang dan PD Waterfront. Aktiviti *Busking* dilihat oleh KPKT sebagai aktiviti yang boleh dikembangkan secara sihat bagi mewujudkan suasana sejahtera di bandar atau tumpuan orang ramai.

3. Setakat hari ini, tiada atau kurang platform yang sistematik dengan kemudahan yang lengkap diwujudkan kepada golongan *buskers* yang ingin mengadakan persembahan mereka terutamanya di kawasan bandar-bandar utama di negara ini.

4. Pembangunan My Buskers Corner oleh KPKT di lokasi kondusif tumpuan orang ramai dengan objektif :

- Platform kepada warga tempatan khususnya golongan belia untuk mengembangkan bakat seni mereka secara langsung kepada masyarakat;

- Memperkenalkan BC kepada warga seni di bandar sebagai salah satu bentuk platform seni baharu bagi mengembangkan seni mereka secara sistematik dan berkesan;
- Mewar-warkan Program BC kepada masyarakat tempatan oleh KPKT; dan
- Membantu dalam menyumbang kepada pewujudan 'livable city' di seluruh negara melalui aktiviti seni jalanan.

5. Sebelum Pantai Batu 4 Port Dickson ini, Dataran Sungai Melaka telah dipilih sebagai *Buskers Corner (BC)* yang pertama di Malaysia atau *Pilot Project* dan telah dilancarkan oleh YB Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 2 Februari 2014.

6. Majlis pada malam ini diserikan dengan kehadiran YB Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Ketua-Ketua Jabatan KPKT dan SUK Negeri Sembilan.

 Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pengurusan Strata dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
 b.p. Ketua Setiausaha
 Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
 Faks : 03-8891 5557
 E-mel : pro@kpkt.gov.my